

Modal sosial efektif tingkat daya saing organisasi

Selain modal kewangan dan manusia, modal sosial yang terhasil daripada keupayaan pekerja untuk bekerja dalam kumpulan adalah sumber penyokong dalam membangun kebolehsaian dalam perniagaan. Modal sosial adalah sumber daya sebenar dan potensi yang dimiliki individu. Di manakah modal sosial ini berada? Ia wujud dalam jaringan sosial sesebuah kumpulan individu yang terhasil daripada hubungan akrab.

Pembangunan modal sosial menerusi konsep bekerja dalam kumpulan perlu diberi perhatian yang serius, terutama dalam bidang perniagaan. Sukar untuk seseorang individu mencapai matlamat organisasi dengan bekerja sendirian. Oleh itu, kebolehan bekerja dalam kumpulan secara efektif adalah keperluan strategik dalam sesebuah organisasi.

Bekerja secara berkumpulan adalah manifestasi keanggotaan dalam sesebuah jaringan sosial yang akan secara langsung membangunkan modal sosial bagi organisasi. Modal sosial yang terjemua dalam bentuk sikap saling percaya mampu memudahkan dan mempercepatkan urusan dan menghasilkan kerja yang lebih berkesan. Hubungan ini dapat memanfaatkan kepakaran dan pengetahuan ahli dalam jaringan bagi membolehkan pencapaian sesuatu matlamat.

Cabaran tersendiri

Sikap ini adalah antara ciri penting dalam sebuah modal sosial yang berkesan kerana ia dapat memudahkan kerjasama dan menyokong koordinasi dengan tujuan mencapai keuntungan bersama. Kepentingan modal sosial tertonjol, terutama bagi mendapatkan keperluan sumber tertentu yang unik kepada pengusaha perniagaan.

Dalam mengurus perniagaan, pengusaha perlu mewujudkan jaringan personal bersama rakan kongsi, pembekal, dan entiti perniagaan yang lain. Jaringan ini boleh memberi kelebihan persaingan kepada pengusaha dalam mendapatkan maklumat dan sumber tertentu untuk menyokong aktiviti perniagaan mereka. Oleh itu, sumber daya yang tercipta menerusi modal sosial ini adalah pelengkap kepada keupayaan dan kejayaan sesebuah organisasi, terutama dalam menghadapi persekitaran global tidak menentu.

Namun, harus disedari juga, proses pembangunan modal sosial mempunyai cabarannya yang tersendiri. Ia sering memakan masa yang panjang, di samping gangguan oleh faktor sikap dan tindakan individu dalam kumpulan yang tidak mampu memberikan kerjasama yang wajar. Oleh itu,

pihak pengurusan organisasi perlu meningkatkan pemahaman mengenai konsep modal sosial, seterusnya menyediakan struktur dan sumber yang relevan bagi menyokong pembangunan modal sosial dalam kalangan pekerja.

Tiga elemen penting

Kajian sarjana dalam bidang modal sosial menemui tiga elemen penting pembangunannya yang saling berkait antara satu sama lain iaitu struktur, hubungan dan kognitif. Elemen struktur merujuk kepada struktur jaringan formal dan tidak formal yang terbina antara individu.

Jaringan ini penting kerana ia dapat mempertingkatkan prestasi organisasi dan juga individu melalui dua cara iaitu, dengan memudahkan capaian maklumat dan sumber serta membantu mengkoordinasi tugas yang saling bergantung. Semakin rapat jaringan antara individu dalam kumpulan, semakin kukuh modal sosial mereka.

Elemen hubungan pula merujuk kepada sifat hubungan peribadi yang terbentuk antara individu dalam kumpulan. Modal sosial yang wujud di dalam hubungan ini adalah aset utama yang terhasil daripada perhubungan itu. Hubungan akrab antara rakan, keluarga, kenalan, masyarakat dan institusi akan membangun dan memperkukuh modal sosial mereka berasaskan kepercayaan, rasa tanggungjawab dan kejujuran dalam kumpulan.

Manakala elemen kognitif adalah pemahaman individu dalam kumpulan mengenai sesuatu perkara yang dikongsi secara kolektif. Pembentukan elemen kognitif ini dipengaruhi oleh budaya dalam organisasi seperti peraturan dan norma yang hanya difahami sepenuhnya individu dalam kumpulan itu.

Elemen struktur dalam modal sosial boleh diperkukuhkan dengan meningkatkan kekerapan perjumpaan individu dalam kumpulan sama ada di dalam mesyuarat dan perjumpaan secara tidak formal seperti minum teh selepas waktu pejabat.

Faktor kekerapan perjumpaan juga boleh menjamin keberlangsungan hubungan ini. Elemen hubungan pula memerlukan sikap saling percaya yang tinggi. Hubungan yang akrab juga dapat meningkatkan kepercayaan dan rasa tanggungjawab individu dalam kumpulan yang kemudiannya dapat dizahirkan dalam bentuk kolaborasi kerja dan ketimbalbalikan.



**DR ROSMAH
MAT ISA**

rosmah@ukm.edu.my



Penulis

ialah Profesor Madya di UKM-
Graduate School of Business, UKM